

Wang Fiat: Halal Yang Tidak *Tayyib*

Shafee Bin Ahmad @ Salleh¹, Ezani Bin Yaakub² & Mohd. Solahuddin Shahrudin^{3*}

^{1,2,3}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

*Pengarang Penghubung
msolahuddin@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Penggunaan mata wang fiat dalam sistem kewangan di seluruh dunia kini telah mula diragui kredibilitinya. Kelebihannya berbanding sistem barter memang tidak dapat diragukan dan sangat ekonomik sifatnya kerana dapat mengatasi banyak kelemahan termasuklah ketidakadilan dan ketidak seragaman dalam pertukaran. Namun dengan pelbagai perubahan yang berlaku dalam sistem kewangan dewasa ini, lebih-lebih lagi faktor politik negara membangun, kredibiliti penggunaannya dari perspektif Islam telah dipertikaikan. Umumnya wang fiat difatwakan harus oleh majoriti ulama pada masa dahulu tetapi status ini mungkin berubah dan memerlukan kajian semula. Ini adalah kerana terdapat banyak impak negatif dalam ekonomi yang terhasil khususnya dalam perkara-perkara asas ekonomi. Sewajarnya isu ini perlu diperhalusi semula secara mendalam dan diberi penilaian semula oleh para ulama dan pakar-pakar ekonomi Islam. Ini bagi memastikan praktis ekonomi dan kewangan Islam yang lebih adil dan menyeluruh.

Kata Kunci: wang fiat, alternatif, kewangan Islam, global.

ABSTRACT

The credibility of the use of fiat currency in the global financial system is being argued at present. It is not argued that the use of fiat currency gives more advantages compared to the use of barter system. The use of the currency is economic and convincing as it could overcome the problem of unjustified

counter-value and unstandardized consideration. Nevertheless, contemporary Muslim scholars are arguing on the credibility of fiat currency particularly with the political changes of many developed countries. Previously, most qualified Muslim scholars (*ulama*) viewed the use of fiat currency in Islamic financial system as recommended (*harus*). However, the permissibility of fiat currency usage might change as the several incidences had indicated the negative impacts on its use. Therefore, more studies and researches are needed to be conducted for further clarification. The issue of fiat currency usage is required to be redefined by the contemporary Muslim scholars and expertise. This is to ensure that the practice of Islamic economic and finance is just and comprehensive.

Keywords: fiat currency, alternative, Islamic finance, global.

1. Pengenalan

Secara umumnya wang fiat difatwakan harus oleh majoriti ulama kontemporari dan keharusan ini kerana ianya menepati syariah dengan bank pusat diberi kuasa mutlak untuk mengeluarkan wang dimiliki oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara sah. Mereka bersetuju wang sebagai alat pertukaran untuk mengukur suatu nilai barangan ekonomi dalam suatu sistem perekonomian bagi menggantikan kelemahan sistem barter yang banyak unsur ketidakpastian, ketidakadilan, tidak standard, ketidakjujuran dan tidak ekonomik.

Namun terdapat ulama tidak bersetuju dan berpandangan ianya tidak menepati syariah kerana ia melibatkan penciptaan kuasa beli secara begitu sahaja (*the creation of purchasing power out of nothing*). Mereka secara umumnya bersetuju berkaitan dengan faedah-faedah wang fiat tetapi berpendapat wang fiat menghalang kesejahteraan ekonomi dan memenuhi maqasid syariah. Bahkan ia banyak memberi impak negatif dalam ekonomi. Ini termasuklah berlakunya masalah inflasi, pengagihan yang tidak adil, kemiskinan, penindasan dan pengangguran. Dari sudut implikasi penggunaannya secara jangka panjang, wang fiat masih mempunyai masalah dan banyak memberi kesan buruk kepada ekonomi berbanding dengan kebaikan. Gejala inflasi, pengangguran

dan kemiskinan mutlak tidak pernah selesai akibat dari pengeluaran wang berlebihan secara begitu sahaja. Milton Friedman, menyatakan “*inflation is always and everywhere a monetary phenomenon*” (Adiwarman A. Karim, 2008). Kucar-kacir yang berlaku akhir-akhir ini seperti krisis sub-prima, kegoyahan hartanah, kejatuhan syarikat gergasi kewangan seperti Lehman Brothers dan Merill Lynch, semuanya implikasi daripada sistem kewangan masa kini yang menggunakan wang fiat (Azizi Ali, 2013).

Faktor ini menjelaskan wang fiat merupakan satu yang berguna kepada kehidupan ekonomi manusia berbanding sistem barter, namun masih banyak keburukan dalam realiti ekonomi semasa. Berdasarkan kaedah yang dinyatakan dalam al-Quran seperti firman Allah:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ
وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا﴾

“Mereka bertanya kepadamu tentang khamar (arak) dan judi. Katakanlah: Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya.»

(al-Baqarah: 219)

وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضَرَارًا لِتَعْتَدُوا

Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka);

(al- Baqarah: 231)

Justeru dengan pelbagai masalah negatif yang masih wujud, maka tahap kesucian wang sangat diragui walaupun ia halal.

2. Definisi wang

Wang didefinisikan sebagai suatu barang yang diterima umum sebagai alat pengantaraan dalam aktiviti jual beli atau urus niaga. Suatu dipersetujui untuk digunakan sebagai wang perlulah mempunyai ciri-ciri nilainya stabil dari masa ke masa, mudah untuk dibawa dan disimpan, tahan lama dan tidak ubah bentuk atau kualitinya dalam jangka masa panjang, penawarannya terhad dan tidak mudah ditambah dalam jangka panjang, sukar ditiru dan mudah dibahagikan kepada unit-unit yang lebih kecil.

2.1 Peranan Wang

Pertamanya, wang sebagai alat perantaraan pertukaran. Dengan menggunakan wang, individu yang inginkan sesuatu barang tidak lagi memerlukan dua kehendak serentak. Ia hanya perlu membayar wang kepada penjual untuk mendapatkan barang berkenaan. Penjual pula boleh menggunakan wang tersebut untuk mendapatkan barang yang diperlukannya.

Keduanya, wang sebagai alat ukuran nilai. Dengan menggunakan wang, individu akan menilai sesuatu barang dalam unit wang iaitu ringgit dan sen. Misalnya, barang X bernilai RM100 dan barang Y bernilai RM500. Dengan ini pembeli boleh membandingkan nilai suatu barang dengan barang yang lain dalam unit ukuran yang sama. Ukuran nilai begini menjadi mudah dan standard.

Ketiganya, wang sebagai penyelesaian bayaran tertunda. Wang boleh digunakan dalam urus niaga kredit kerana nilainya yang stabil. Dalam ekonomi yang stabil tanpa inflasi, peniaga sanggup menjual barang secara kredit kerana nilai benar wang semasa penerimaan adalah sama dengan nilai benar wang semasa penjualan barang. Oleh itu masalah untuk memikirkan sesuatu barang yang diperlukan untuk menyelesaikan bayaran tertunda dapat diatasi.

Keempatnya, wang merupakan alat penyimpanan nilai. Wang boleh dijadikan sebagai alat penyimpanan nilai yang baik kerana nilainya yang stabil dan sifatnya yang tahan lama. Dalam ekonomi yang stabil,

masyarakat cenderung menyimpan kekayaan dalam bentuk wang di institusi kewangan untuk memenuhi perbelanjaan pada masa akan datang. Dengan menyimpan kekayaan dalam bentuk wang, maka penabung akan dibayar faedah atas tabungan yang mereka lakukan.

3. Punca-Punca Wang Tidak Tayyiban:

3.1 Nilai Intrinsik

Wang kertas yang digunakan pada masa ini tidak mempunyai nilai intrinsik. Ia menjadi alat tukar yang sah melalui undang-undang dikeluarkan oleh sesebuah negara yang menyatakan sahnya wang tersebut. Ini bererti wang tersebut diterima sebagai alat pembayaran adalah kerana kepercayaan dan keyakinan orang ramai kepada pemerintah menjamin kesahihan wang kertas tersebut. Apabila kepercayaan itu telah hilang maka nilai wang tersebut akan menurun dan tidak lagi diterima oleh masyarakat (Veithzal Rivai et al., 2010). Sebaliknya wang fiat, wang emas mempunyai nilai intrinsik yang kekal nilainya pada setiap masa dan tempat.

Nilai intrinsik bermakna mata wang itu mempunyai sandaran yang bernilai sebagai alat pertukaran. Mata wang dinar mempunyai nilai intrinsik kerana bersandarkan kepada nilai bahan logam emas. Ini tentu sekali berbeza dengan wang kertas atau wang fiat yang tiada apa-apa sandaran dan dikeluarkan begitu sahaja. Ia hanya bergantung kepada kepercayaan dan keyakinan orang ramai dan kedudukan ekonomi sesebuah negara. Wang kertas adalah wang fiat kerana *zatnya* tidak menjamin dan mempunyai apa-apa nilai. Dalam konteks kestabilan nilai, tentu sekali ia amat lemah. Ia boleh dicetak pada bila-bila masa tanpa ada had (Abdul Basit et al., 2006).

Mata wang yang digunakan pada hari ini merupakan helaian-helaian kertas tidak bernilai jika dibandingkan dengan nilai muka yang tercatat di atas kertas tersebut. Begitu juga dengan syiling-syiling sekarang yang rata-ratanya ditempa dengan logam bukan emas. Ini bererti mata wang yang beredar hari ini hanyalah merupakan kertas biasa tanpa nilai dan hanya diberi pengiktirafan oleh negara-negara tertentu. Kertas-kertas ini

tidak boleh ditebus dengan emas. Oleh itu tanpa adanya nilai intrinsik, wang tersebut boleh dimusnahkan dan ditukar ganti dengan wang baru pada bila-bila masa (Salmi Edawati, et al., 2009).

Berbeza dengan wang fiat, dinar emas adalah wang nyata yang dijamin oleh dirinya sendiri. Nilai dinar adalah tetap dan tidak berubah kerana penggunaan dinar tidak menimbulkan inflasi. Sejak mula digunakan hingga saat ini, nilai tukar dinar tidak mengalami perubahan signifikan. Setiap dinar masih boleh digunakan untuk membeli sejumlah barang-barang dalam kuantiti dan kualiti yang sama dengan barang-barang yang dapat dibeli ketika dinar digunakan zaman dahulu (M. Shabri Abd. Majid, 2006).

Emas telah digunakan sebagai wang sejak lama dahulu sehinggalah kepada tamatnya perjanjian Bretton Woods pada tahun 1971. Robert Mundell seorang penerima anugerah Nobel telah meramalkan emas akan menjadi wang antarabangsa sekali lagi pada kurun ke 21 (Ahamed Kameel Mydin Meera, 2004). Justeru penggunaan semula dinar emas patut diberi perhatian yang sewajarnya.

3.2 Eksploitasi Halal

Penggunaan wang kertas secara langsung dan tidak langsung menjadikan aktiviti eksploitasi halal telah menjadi asas keuntungan yang tidak adil. Ini berlaku melalui penggantian wang yang sebenar (emas dan perak) dengan wang janji (atau wang palsu) yakni kertas. Lebih diperolehi dengan mengenakan faedah ke atas wang kertas yang dipinjamkan, lalu menjustifikasikan percetakan lebih banyak wang kertas. Rejim kewangan ini mencipta wang daripada cetakan berlebihan ataupun menyusut nilai wang di tangan orang ramai. Wang ini tidak membolehkan kita menebus atau mendapatkan nilai (emas) yang menjadi sandaran. Wang kertas dan sistem perbankan kini menjadi simbol institusi penciptaan lebihan iaitu riba.

El-Diwany sebagai contoh telah mengemukakan hujah tentang masalah yang timbul akibat pengenaan bunga (interest charges). Mengikut hujahnya, penciptaan wang dengan begitu sahaja oleh sistem

perbankan dan seterusnya meminjamkannya pula dengan bunga akan menjadi sebab penting berlakunya ketidakadilan ekonomi. Penciptaan wang sebegini sudah tentu boleh berlaku melalui sistem *fractional reserve banking*. Lietaer pula berhujah bahawa *positive interest rates* pula menghalang kepada pembangunan yang mampan manakala *negative interest rates* pula perlu untuk penggunaan sumber-sumber dan pembangunan yang mampan.

Jelas dari sudut praktis, banyak gejala negatif dapat dikenal pasti permasalahan yang wujud akibat dari penggunaan wang kertas secara langsung dan tidak langsung. Ia seolah-olah satu aktiviti yang sah tetapi sangat tidak adil dan merupakan satu bentuk eksploitasi yang diredai. Adakah impak sebegini suatu yang *tayyiban* dan boleh diterima dari perspektif Islam.

3.3 Spekulasi dan Manipulasi

Spekulasi ialah penanggungan risiko pertukaran yang disengajakan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Manakala manipulasi pula ialah tindakan pelabur yang mengadakan pergerakan harga, volum atau minat dalam sesuatu sekuriti bagi tujuan menarik pelabur lain supaya melabur dalam sekuriti berkenaan (Abdul Basit et al., 2006).

Sistem wang fiat membuka ruang yang luas untuk kegiatan spekulasi dan manipulasi. Perubahan kadar bunga mendorong berkembangnya urus niaga yang bersifat spekulatif. Berdasarkan data yang dimiliki oleh sebuah NGO ekonomi di Amerika Syarikat, jumlah urus niaga yang terjadi di pasaran wang mencapai lebih dari USD1.5 trilion dalam satu hari, atau USD400 trilion setahun, sedangkan jumlah urus niaga yang terjadi dalam perdagangan dunia di sektor *real* hanya USD6 trilion setiap tahun (Agustianto, 2011).

Kini kadar pertukaran mata wang fiat menyebabkan spekulasi yang menggugat kestabilan ekonomi negara atau dunia. Pergerakan kadar pertukaran mata wang bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran, iaitu penawaran dan permintaan amat terdedah kepada spekulasi. Aktiviti spekulasi mata wang ini akan membuat kadar pertukaran boleh

naik dan juga turun secara mendadak. Contoh yang jelas dapat dilihat sewaktu berlakunya krisis mata wang di Asia pada tahun 1997 dan 1998. Krisis tersebut berlaku disebabkan tindakan negatif para spekulator yang bebas melakukan apa sahaja demi mencapai keuntungan maksimum tanpa mengira kesan sosial dan penderitaan rakyat negara-negara yang terlibat (Salmi Edawati & Ab. Mumin, 2009). Mahathir Mohamad (2000), dalam tulisannya *Krisis Mata wang Malaysia: Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku* membuat kesimpulan bahawa terjadinya krisis ekonomi 1997 adalah akibat tindakan spekulatif para pembeli mata wang asing.

Terbukti jelas menunjukkan bagaimana wang fiat telah menjadi alat untuk spekulasi, manipulasi dan untuk mendominasi ekonomi, budaya dan politik (Ahamed Kameel Mydin Meera, 2004). Ringgit Malaysia pernah dimanipulasi dan dispekulasikan pada 1997 menyebabkan nilai ringgit merosot sehingga 65 peratus dan pada waktu yang sama rupiah Indonesia susut nilai sebanyak 620 peratus (Zuhaimi, 2004). Ini bermakna nilai simpanan individu, masyarakat dan negara turut menyusut. Implikasi buruk ini jelas membuktikan gejala negatif yang telah berlaku dalam sistem mata wang fiat. Justeru adakah wang fiat kini boleh diklasifikasikan sebagai *tayyiban*? Bahkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Ke-98 merumuskan “Hasil kajian Jawatankuasa ini, kita dapati perniagaan yang membabitkan pertukaran wang asing membabitkan spekulasi mata wang dan ini bercanggah dan berlawanan dengan hukum Islam.” Sehingga kini berapa trilionkah wang yang telah terhasil dan memudaratkan masyarakat dunia?

3.4 *Gharar*

Gharar dalam konteks ini merujuk kepada ketidakpastian yang wujud dalam pasaran seperti terhadap barangan yang tidak pasti kewujudannya di pasaran, harga yang kabur, penipuan harga dan penipuan sifat jualan. Ketetapan dan kestabilan harga mata wang berasaskan emas dan perak ini tentu sekali mengelakkan penipuan-penipuan dalam bentuk yang dinyatakan (Abdul Basit et al., 2006). Kadar pertukaran mata wang kini yang tiada sandaran boleh mencetus kepada *gharar* dan menghalang perdagangan dan pelaburan

antarabangsa. Para pengimport, pengeksport dan juga pelabur tidak dapat menjangka kadar pertukaran akan datang rentetan daripada ketidakstabilan nilai (Salmi Edawati & Ab. Mumin, 2009).

Masalah *gharar* dalam pertukaran mata wang kini bukan lagi satu yang tersembunyi. Persoalan ini telah menjadi jelas dan nyata berlaku dalam konteks sistem wang semasa. Bahkan pelbagai cetusan permasalahan akibat *gharar* telah berlaku secara berterusan yang memberi implikasi negatif dari sudut mikro dan makro.

3.5 Keanjalan Penawaran Wang

Pengeluaran mata wang berasaskan sistem wang fiat kini adalah amat anjal dan tidak terhad melalui bank pusat (kerajaan) dan bank perdagangan melalui pemberian pinjaman). Pengeluaran wang tanpa sandaran emas telah meningkat dari USD85 bilion pada tahun 1971 dan telah melepasi USD4 trilion pada hari ini (Steve, 2014). Akibat keanjalan wang yang ketara ini menyebabkan nilai wang sebenar kurang realistik dan wujud lebih penawaran. Pelbagai masalah negatif dan bencana telah berlaku dalam sistem mata wang kini termasuklah kecelaruan sistem nilai sebenar dan wujudnya perniagaan yang tidak sebenar seperti adanya perdagangan mata wang dan masalah inflasi. Umpamanya, 20 tahun lalu, A berpendapatan RM 3000 sebulan mampu memiliki sebuah teres 2 tingkat di Lembah Kelang. Namun kini, B dengan pendapatan RM6000 sebulan, tidak memungkinkan untuk miliki rumah berkenaan. Bahkan hanya sebuah teres setingkat dengan tempoh bayaran yang lebih lama. Nilai wang semasa tidak memungkinkan kita membeli barangan yang sama untuk satu dekad yang lalu

3.6 Kadar Pertukaran Mata wang

Sejarah dan rekod semasa membuktikan bahawa kadar pertukaran sistem wang fiat adalah tidak stabil. Ketika berlakunya krisis ekonomi pada tahun 1997-1998 kadar pertukaran ringgit kepada dolar turun dari RM2.5 menjadi RM4.80 atau dengan kata lain nilai ringgit terhadap dolar menjadi separuh dari nilai sebelumnya. Petronas sebagai contoh

rugi USD159 juta kerana penyusutan nilai dolar (Mustafa, 2005).

Ketika itu juga bursa Kuala Lumpur dianggar bernilai lebih RM800 bilion atau kira-kira AS\$320 bilion, pada kadar RM2.50 setiap dolar Amerika. Sebaik ringgit diserang dan nilainya jatuh, harga saham di BSKL turut jatuh. Indeks Komposit berada pada paras 1,000 mata pada awal 1997. Pada akhir 1997, ia menjunam ke paras 600 mata sahaja (Mahathir, 2000). Ia jelas sangat negatif dan mengakibatkan jutaan mangsa dalam ekonomi.

Pada Januari 2014 nilai Ringgit telah jatuh sebanyak 13.0% berbanding dengan nilai dolar. Baht jatuh sebanyak 15.6% sementara rupiah jatuh sebanyak 25.7% berbanding dengan US dolar. Ini merupakan prestasi mata wang Asia yang terburuk pada tahun 2013 (Ian Tai, 2014). Mengikut satu kajian yang dibuat di Amerika Syarikat, kadar pertukaran sentiasa naik dan turun melebihi 30 peratus dalam tempoh beberapa tahun sahaja. Secara purata dolar Amerika meningkat nilainya sebanyak 30 peratus dari tahun 1981 hingga 1984. Kemudian dari tahun 1985 hingga 1988 nilainya jatuh sebanyak 25 peratus. Dari tahun 1999 hingga 2001 nilainya meningkat 10 peratus. Seterusnya pada tahun 2003 hingga 2008 nilainya menurun kepada 10 peratus (Timothy, 2012).

Steve (2014) salah seorang pakar kewangan terkemuka pada masa ini juga mencadangkan penggunaan semula sistem wang emas untuk mencapai kestabilan dan kemakmuran ekonomi. Menurutnya, nilai wang kini yang sentiasa turun naik akibat manipulasi nilai dolar dan wang lain oleh kerajaan adalah penyebab utama kepada kegagalan ekonomi akhir-akhir ini, termasuklah rentetan krisis kewangan sehingga kini. Bahkan menurut Alan Greenspan;

“In the absence of the gold standard, there is no way to protect savings from confiscation through inflation. There is no safe store of value.”

Jadual 1: *Senarai Tidak Tayyiban Penggunaan Sistem Wang Semasa (Wang Fiat)*

| Bil | Permasalahan/Isu | Tidak Tayyiban Sistem Wang | Sepatutnya |
|------------|--|---------------------------------------|---------------------------------|
| | Nilai Intrinsik | Tiada nilai intrinsic | Ada nilai intrinsik |
| | Eksplotasi | Eksplotasi Halal | Tiada eksplotasi |
| | Manipulasi dan Spekulasi | Berlaku Manipulasi dan spekulasi | Tidak terdedah |
| | Gharar | Berlaku <i>gharar</i> | Tiada <i>gharar</i> |
| | Keanjalan Penawaran Wang (<i>Elasticity</i>) | Anjal | Tidak anjal |
| | Kadar Pertukaran Mata wang | Tidak stabil | Stabil |
| | Inflasi | Inflasi tinggi | Tiada inflasi |
| | Riba | Mempunyai unsur riba | Bebas riba |
| | Spekulasi | Menggalakkan spekulasi | Tiada spekulasi |
| | <i>Reserve Requirements</i> | <i>Fractional reserve requirement</i> | <i>Full reserve requirement</i> |
| | Hutang | Hutang berganda akibat bunga | Tiada hutang berganda |
| | <i>Seigniorage</i> | Ada <i>seigniorage</i> | Tiada <i>seigniorage</i> |
| | Kedaulatan Negara | Hilang kedaulatan negara | Kedaulatan negara terjaga |
| | Kestabilan Nilai Wang | Nilai tidak stabil | Nilai yang stabil |
| | Kekayaan | Menghakis kekayaan | Memelihara kekayaan |

Sumber: Penyelidik

4. Sabitan Qawaid Fiqhiyyah Dalam Persoalan Mata Wang Semasa

Dalam kehidupan ekonomi, terdapat pelbagai perubahan yang berlaku dalam memastikan ia sentiasa sesuai dengan keperluan semasa. Perubahan-perubahan ini dilakukan adalah semata-mata untuk memenuhi tuntutan ekonomi yang dinamik. Sedangkan dalam ekonomi Islam perubahan ini diterima dan bukan sekadar faktor ekonomi yang menjadi asas tetapi ia juga perlu lebih diperhalusi dengan kaedah-kaedah syar'i bagi membantu untuk menentukan pilihan dengan pilihan antara yang baik dan buruk, antara maslahat dan mafsadat. Hasil pemerhatian fuqaha' (al-istiqra') melalui ijihad yang dibuat berdasarkan nas-nas syarak atau kes-kes terdahulu atau semasa, maka hukum-hukum tertentu dikemukakan.

كل تصرف تقاعد عن مقصوده فهو باطل

Maksudnya; «Setiap tindakan yang menyebabkan tidak tercapai kepada tujuan akhir, maka tindakan itu batal.»

(al-Mawardi)

Sesuatu hukum itu tidak sekadar wajib, sunat dan harus sahaja, tetapi perlu dilihat juga kepada maqasid dan implikasi. Justeru mungkin terdapat hukum yang sah dalam satu masa tetapi lama kelamaan ianya telah menyebabkan pelbagai implikasi negatif, maka status sah itu wajar diperhalusi semula. Perkara ini wajar menjadi asas justifikasi sesuatu hukum syarak yang sememangnya memberi keadilan dan kesejahteraan kepada manusia secara menyeluruh. Selain itu aspek perubahan zaman yang turut merubah hukum wajar diperhalusi dalam konteks penggunaan mata wang semasa.

لا يُنكَرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ

Maksudnya; “Tiada boleh diingkarkan berubah hukuman itu sebab berubah masa”.

Justeru pandangan terdahulu kerana ada kemungkinan pandangan tersebut hanya sesuai untuk zaman dan keadaan masa itu. Sekiranya diterapkan masa kini ia tidak lagi sesuai disebabkan berlaku perubahan yang belum pernah difikirkan atau berlaku oleh generasi dahulu. Dengan pelbagai akibat negatif terhasil dari penggunaan mata wang semasa, persoalan hukum yang ada kini perlu diperhalusi semula.

تغير الفتوى بتغير الزمان والمكان والأحوال والعادات

Maksudnya: "Berubah sesuatu fatwa disebabkan perubahan masa, tempat, keadaan dan adat".

Status keharusan sistem mata wang fiat semasa yang menggantikan sistem barter pada satu tahap masa wajar diperhalusi. Ini adalah kerana, pada peringkat awal, sistem ini jelas lebih baik dan ekonomik berbanding dengan sistem barter serta sistem kewangan ini sendiri tiada kekurangan yang memudaratkan. Namun dengan perkembangan semasa dan bukti-bukti permasalahan kewangan global, hukum keharusannya yang berasaskan kepada masalah pada masa lalu akan berubah mengikut keadaan semasa dan keadaan keharusan tidak boleh berterusan (Qaradawi, 1997).

5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, sistem wang kini telah menghasilkan krisis kewangan dan ekonomi yang seterusnya mewujudkan masalah sosio-ekonomi seperti kitaran masalah ekonomi, pengangguran, perbezaan jurang pendapatan yang luas, inflasi, monopoli, ketidakstabilan nilai wang, kadar pertukaran yang tidak tetap antara negara, pembebanan hutang akibat riba, spekulasi, eksploitasi, manipulasi dan sebagainya. Sedangkan penggunaan sistem wang sepatutnya dapat memberi kebaikan, manfaat, kesejahteraan dan kestabilan dalam ekonomi. Justeru apabila diselidiki dan dibuat perbandingan secara mendalam, jelas terdapat banyak keburukan berbanding kebaikan. Walaupun secara asasnya ia halal tetapi secara praktikalnya ia tidak tayyiban. Usaha yang komprehensif perlu dilakukan bagi mencari alternatif yang lebih adil dan sejahtera kepada masyarakat. Tanpa pilihan, sistem wang ini

akan melalui fasa kemuncak yang akan membawa musibah dan bencana besar kepada dunia kewangan. Usaha kembali semula kepada sistem berasaskan dinar wajar menjadi alternatif utama yang telah terbukti halal dan tayyibanya.

6. Rujukan

- Ahamed Kameel Mydin Meera & Moussa Larbini. (2006). Seigniorage of fiat money and the maqasid al-Shari'ah: the compatibility of the gold dinar with the maqasid. *Humanomics*. Vol. 22.
- Ahamed Kameel Mydin Meera & Moussa Larbini. (2009). Ownership effects of fractional reserve banking: an Islamic perspective. *Humanomics*. Vol 25.
- Ahamed Kameel Mydin Meera & Moussa Larbini. (2006). Seigniorage of fiat money and the maqasid al-Shari'ah : the unattainableness of the maqasid. *Humanomics*. Vol. 22.
- Ahamed Kameel Mydin Meera. (2004). *The Theft of Nations Returning to Gold*. Subang Jaya, Selangor: Pelanduk Publications.
- Alan Greenspan. (1966). *Gold and Economic Freedom*. This article originally appeared in a newsletter: The Objectivist published in 1966 and was reprinted in *Ayn Rand's Capitalism: The Unknown Ideal*
- Al Ghazali. (t. thn). *Al-Mustasfa min Ilm al-Usul*. Madinah: al-Jamiah al-Madinah al-Munawwarah.
- Al Maqrizi, Ahmad ibn Ali; Adel Allouche.(1994). *Mamluk Economics: A Study and Translation of Al-Maqrizi's Ighathah*. Salt Lake City: University of Utah Press.
- Ezani Yaakub. (2005). Wang dari Perspektif Islam dan Konvensional. *Jurnal Tasawwur Islam*. Jld. 5, Ogos 2005.
- Ezani Yaakub. (2009). *Beberapa Aspek Pemikiran Ekonomi & Kewangan Islam*. Shah Alam : UPENA, UiTM.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Jonathan Quek. (2011). *Why Gold? Why Silver? Why Now?.* Seri Kembangan: True Wealth Sdn Bhd.

- M.D. Sani, S. Arfah, A.K.M. Meera dan A. Aziuddin. (2013). Fractional Reserve Banking and Maqasid al-Syariah: An Incompatible Practice. *J. Hum. & Islam* 3(1). 1-8.
- Media Islam, (2013). Uang Dinar Emas dan Dirham Perak – Solusi Islam Mengatasi Riba dan Inflasi/Kemiskinan. Sumber: <http://media-islam.or.id/2011/06/28/uang-dinar-emas-dan-dirham-perak-%E2%80%93-solusi-islam-mengatasi-riba-dan-inflasi-kemiskinan>.
- Mohd Nazri Chik. (2013). *Pendirian Syariah Terhadap Penggunaan Wang Kertas (Fiat Moey)*. Dalam Azizi Che Seman dan Nazri Cik, Kewangan Perbankan dan Isu-Isu Semasa. Shah Alam, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Muhaimin Iqbal. (2010). *Dinarnomics*. Jakarta: Sinergi Publishing.
- Nik Mahani Mohamad. (2010). *Rethinking the Islamic Financial System*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn Bhd.
- Philip Coggan. (2012). *Paper Promises : Money, Debt and the New World Order*. London: Penguin Books Ltd.
- Rais ‘Umar Ibrahim Vadillo. (2004). *The Return of The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Asia Madina Distributor.
- Salmy Edawati Yaacob. (2012). The Reality of Gold Dinar Application in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3) 2012, ISSN 1995-0772.
- Salmy Edawati Yaacob. (2012). Keunggulan Dinar Emas Sebagai Mata Wang : Kajian Berdasarkan Sejarah Tamadun Islam. *Islamiyyat* 34 (2012).
- Sanep Ahmad & Salmy Edawati Yaacob. (2012). *Dinar Emas Sejarah dan Aplikasi Semasa*. Bangi: UKM.
- Timothy Taylor. (2012). *The Instant Economist*. USA : A Plume Book.
- Yusuf al-Qaradawi. (1997). *Shari‘at al-Islam: Khuluduha wa Salahiyatuha li al-Tatbiq fi kulli Zaman wa Makan*, Beirut : al-Maktab al-Islami. hh. 127-128.

